

EK

ECONEWS

PM: KEKURANGAN TENAGA TIDAK JEJAS PRESTASI PERWAJA SETAKAT INI

GURUN (KEDAH), 20 Feb (Bernama) -- Kekurangan bekalan tenaga yang dialami oleh negara pada masa ini setakat ini tidak menjejaskan prestasi kilang Perwaja Steel Sdn Bhd di sini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau memberitahu para pemberita selepas merasmikan pembukaan kilang penggulung steel wire rod dan bar Perwaja Steel di sini bahawa kilang ini mempunyai pelan menghadapi sebarang kemungkinan.

Jika bekalan tenaga terputus, Perwaja Steel mempunyai bekalan air yang mencukupi untuk menyejukkan bilik keluli bagi mengelakkan kebakaran, tambahnya.

Kilang berteknologi tinggi bernilai RM400 juta itu berkeupayaan mengeluarkan sebanyak 450,000 tonne steel wire rods dan bar setahun.

Perwaja Steel juga mempunyai sebuah kilang yang mengeluarkan billets di Kemaman, Terengganu. -- lagi

EK
ECONEWS
PM: KEKURANGAN TENAGA 2 GURUN

Kerajaan pusat memegang 81 peratus kepentingan dalam Perwaja Steel dan bakiya dipegang oleh kerajaan negeri Terengganu.

Mengenai kemungkinan kerajaan pusat menjual kepentingan dalam Perwaja Steel, Dr Mahathir berkata Perwaja Steel akan disenaraikan pada suatu masa nanti, +dan pada ketika itu, sesiapaupun boleh membelinya+.

Sebelum ini, Perwaja Steel dilaporkan bercadang untuk disenaraikan dalam tempoh dua tahun akan datang.

Kilang Perwaja Steel di sini menggunakan alat jentera termoden untuk pengeluaran steel wire rods dan bar yang bermutu dan bergred tinggi yang pada masa ini tidak dikeluarkan oleh mana-mana pengeluar keluli.

Alat jentera berteknologi termoden itu dicipta oleh pengeluar jentera terkenal Itali, Danieli and C. SpA.

Pengeluaran kilang Perwaja Steel di sini akan hanya digunakan sebagai bahan mentah bagi memproses lagi barangan hiliran seperti spring, ball-bearings dan hydraulic couplings yang semuanya memerlukan keluli bermutu khas. -- Bernama